

**Sokongan harga kereta lebih rendah, kemenangan moral buat Anwar, kata PKR
Malaysian Insider
28 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Ogos -- Industri automotif Malaysia menyokong cadangan PKR untuk menurunkan harga kereta dengan merendahkan duti eksais, memberi kemenangan moral terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim berkenaan dengan isu itu, kata pengarah komunikasi parti Nik Nazmi Nik Ahmad hari ini.

Ahli dewan undangan negeri Seri Setia berkata hari ini cadangan menurunkan harga kereta oleh Anwar secara perlahan-lahan dalam lima tahun untuk mengelakkan harga kereta dan kereta terpakai jatuh mendadak.

"Beliau (Anwar) berkata kerajaan persekutuan yang diperintah Pakatan Rakyat (PR) mula-mula akan berbincang dengan pihak konsultasi berkenaan dengan pemilik saham termasuk pihak kewangan, pihak industri dan penjualan berkenaan duti eksais yang diturunkan dalam bajet nasional," kata Nik Nazmi (foto fail).

Hari ini, The Malaysian Insider melaporkan bahawa industri automotif Malaysia telah memberikan sokongan agar harga kereta lebih rendah dengan menurunkan duti eksais, telah menyebabkan tekanan kepada Putrajaya untuk menurunkan harga kenderaan di salah sebuah pasaran terbesar Asia Tenggara.

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) menyokong kenyataan pembangkang bahawa rakyat Malaysia terseksa untuk membayar harga kereta antara yang termahal di dunia dan terdapat keperluan menurunkan duti eksais yang kini antara 65 ke 105 peratus.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sokongan-harga-kereta-lebih-rendah-kemenangan-moral-buat-anwar-kata-pkr/>